

LB
2341.8
.M4
.P48
2011
a

Perutusan Universiti



SEMPENA
Majlis
KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

Kepada
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Daripada
Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Malaysia
Tel: 06-331 6822 Fax: 06-331 6811
Laman Web: <http://library.utem.edu.my> E-Mail: library@utem.edu.my

Isi Ka

a

LB2341.8.M4 .P48 2011.



0000099692

Perutusan universiti sempena Majlis Konvokesyen ke-7
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

99692

kl

Mukadimah (perjalanan majlis konvo secara ringkas) 3

Ucapan TYT 4

Ucapan Pro Canselor 7

Ucapan NC sesi 1 9

Ucapan NC sesi 2 13

Ucapan NC sesi 3 18

Ucapan Wakil Graduan 22

Senarai Anugerah Khas 24

Senarai Graduan 26

Perutusan Universiti
Majlis SEMPENA
KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Aksesan 0000099692	No. Panggilan LB 2341-8 vnt P48 2011 ni www/070313
Tarikh 21 JAN 2013	

Perutusan Universiti



Majlis SEMPENA
KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Mukadimah

M

Majlis Konvokesyen ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah berlangsung selama dua hari iaitu pada hari Sabtu, 22 Oktober 2011 bagi sesi pertama (pagi) dan sesi kedua (petang), dan pada 23 Oktober 2011 bagi sesi ketiga (pagi). Kesemua sesi ini telah diadakan di Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Canselor Universiti, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob telah berkenan mempengerusikan sesi pertama Majlis Konvokesyen ke-7 ini dan telah menganugerahkan ijazah kepada graduan bagi sesi pertama berjumlah **309** graduan yang terdiri dari – **3** Ijazah Doktor Falsafah; **22** Ijazah Sarjana Sains; **11** Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik; **11** Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan; **22** Ijazah Sarjana Sains Komputer; **34** Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan **206** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik. Bagi sesi kedua pula, Pro-Canselor Universiti, Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat telah mempengerusikan majlis pengijazahan tersebut yang mana beliau telah menganugerahkan sebanyak **451** ijazah kepada para graduan yang terdiri dari – **174** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik; **60** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik; **217** Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer. Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat telah sekali lagi mempengerusikan sesi ketiga majlis konvokesyen kali ini di mana seramai **742** graduan telah diberikan pengijazahan yang terdiri dari – **251** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal; **233** Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan; **39** Diploma Kejuruteraan Elektronik; **59** Diploma Kejuruteraan Elektrik; **51** Diploma Teknologi Maklumat Dan Komunikasi; **67** Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan **42** Diploma Kejuruteraan Pembuatan. Bagi Majlis Konvokesyen ke-7 ini, seramai **1,502** graduan telah diberi penganugerahan ijazah dan diploma.



Dalam masyarakat moden, kita sentiasa berinteraksi dengan persekitaran. Jurutera menuai dan mengeluarkan semua sumber-sumber yang kita perlukan untuk mengekalkan kehidupan manusia dan empayar budaya manusia. Dalam masa yang sama, berperanan meminimumkan kesan kerosakan ekosistem alam sekitar dengan reka bentuk infrastruktur yang cekap dan selamat. Jurutera juga mesti cekap dengan mengambil kira aspek kos, pertimbangan masa, dan kesejahteraan manusia. Dalam hal ini *engineers are the role-model for multi-taskers everywhere!* Apabila merekabentuk apa sahaja ciptaan, pasukan jurutera mesti memastikan keselamatan pengguna. Bidang kejuruteraan juga adalah penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat, alam sekitar dan harta benda. Selain itu, para jurutera juga hendaklah berusaha untuk meminimumkan kesan kerosakan ekosistem dan memastikan reka bentuk infrastruktur yang cekap dan selamat.

Para Hadirin Sekalian,

Saya dimaklumkan sebahagian besar para graduan pada hari ini adalah bakal-bakal jurutera yang akan berkhidmat di dalam ataupun di luar negara. Oleh itu saya ingin menekankan bahawa untuk menjadi seorang jurutera ciri-ciri berikut perlulah ada pada diri saudara-saudari sekalian :

- (i) Memiliki prestasi akademik yang cemerlang dalam bidang sains dan matematik, mempunyai perasaan ingin tahu, berimajinasi serta berusaha berfikir untuk menyelesaikan sebarang permasalahan. Pendek kata seorang jurutera seharusnya memiliki kekuatan dari segi mental dan fizikal dalam melaksanakan tanggungjawab.
- (ii) Seorang jurutera yang profesional memerlukan pengalaman yang luas, sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif serta mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari untuk mencipta, merekabentuk dan mengeluarkan produk-produk yang dapat memperbaiki mutu kehidupan masyarakat serta memberi kemegahan kepada Negara.
- (iii) Memiliki sikap rajin untuk menambahkan ilmu kejuruteraan kerana bidang ini yang sentiasa berkembang pantas mengikut era pembangunan dan pemodenan.
- (iv) Seorang jurutera seharusnya memiliki nilai moral dan etika kerja yang tinggi termasuk menjaga maruah profesion kejuruteraan tanpa melibatkan diri di dalam gejala rasuah dan amalan yang tidak beretika.



Ucapan Euan Yang Berutama Euan Canselor

SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
22 OKTOBER 2011

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat, Pro Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Dan Puan Sri Datin Zarina Binti Fazle Hussein. Yang Berhormat Datuk Gan Tian Loo, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Belia Dan Sukan Negeri Melaka Mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan Datin, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka Dan Datin, Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Naib Canselor-Naib Canselor, wakil-wakil dari Universiti Tempatan, wakil-wakil dari Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Staf, Para Ibu Bapa, Graduan dan hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Melaka Bumi Bersejarah, Negeri Bandar Teknologi Hijau dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya, dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada hari ini. Saya percaya majlis yang gemilang ini merupakan yang penuh bererti bagi para graduan, ibu bapa serta warga UTeM. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam bidang masing-masing. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa dorongan dan iringan doa restu yang tak pernah putus daripada ibu bapa.

Para Hadirin Sekalian,

Di dalam ucapan ini, saya ingin menyentuh beberapa aspek berkaitan kepentingan bidang kejuruteraan dalam kehidupan, sifat-sifat yang mesti ada pada seorang yang bergelar jurutera dan apakah sumbangan yang saudara-saudari boleh berikan kepada pembangunan negara.

Hadirin Sekalian,

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang peranan dan sumbangan yang boleh saudara-saudari berikan kepada pembangunan Negara. Penguasaan dalam bidang kejuruteraan mampu untuk menjadikan ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih pesat. Ini dapat dinilai melalui kejayaan mewujudkan satu sektor perindustrian yang dinamik dengan mempelbagaikan asas sektor pembuatan. Penggunaan kejuruteraan melalui usaha-usaha penyelidikan telah mengekalkan taraf negara sebagai pengeluar getah, kelapa sawit, koko dan lada yang utama di dunia. Selain itu usaha secara berterusan dalam penyelidikan dan pembangunan akan memacu serta memajukan sumber pertanian, teknologi pengeluaran makanan juga menerokai bidang-bidang baru seperti kesihatan.

Para Hadirin Sekalian, penguasaan dalam bidang kejuruteraan juga dapat menjadikan Negara kurang bergantung kepada keupayaan kejuruteraan daripada negara-negara maju. Melalui penguasaan dalam bidang kejuruteraan ini dapat menggalakkan pemindahan teknologi daripada Negara Maju dan seterusnya Negara mampu untuk mengendalikan teknologi terkini kerana memiliki sumber manusia yang terbaik dan terpilih. Saya dimaklumkan bahawa UTeM telah mengadakan beberapa kerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka terutama dalam membangunkan Teknologi Hijau. Di antara kerjasama tersebut adalah Projek Tenaga Hijau untuk pembangunan Pulau Besar Melaka, pembinaan Kincir Air di Bandar Hilir serta menyediakan sistem perawatan air di Sungai Melaka. Saya mendapat maklumat bahawa pihak Universiti baru-baru ini telah memperkenalkan Skim Ph.D Industri di UTeM, di mana para penyelidik yang melaksanakan Ph.D Industri akan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Kejuruteraan. Ia selaras dengan program MyBrain 15 iaitu di antara Projek Agenda Kritikal Negara yang bermatlamat untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi untuk pembangunan industri selaras dengan matlamat Model Baru Ekonomi Malaysia (MBE).

Saudara-saudari Sekalian,

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Pengurusan Universiti serta semua lapisan kakitangan yang komited untuk menaikkan nama UTeM dipersada Antarabangsa. Saya yakin dan percaya, bahawa dengan gabungan pihak kepimpinan dan sokongan daripada semua kakitangan yang bermotivasi dan berintegriti, UTeM akan terus berkembang maju seiring dengan perkembangan dunia pengajian tinggi hari ini.

Sekali lagi, saya amat berbesar hati untuk merakamkan sekalung tahniah kepada para graduan atas kejayaan yang telah diperolehi. Jadikanlah kejayaan pada hari ini sebagai langkah permulaan yang positif ke arah membentuk kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Akhir Kata Dari Saya,

Pohon Berangan Tempat Bertemu,
Alangkah Megah Para Perwira,
Baliknya Anda Membawa Ilmu,
Bina Bangsa Bangunkan Negara.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alcapan Pro Canselor

**SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
22 OKTOBER 2011**

Yang Amat Berhormat Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka dan Isteri.

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Isteri

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Naib Canselor-Naib Canselor, Wakil-Wakil dari Universiti Tempatan, Wakil-Wakil dari Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Staf, Para Ibu Bapa, Graduan dan Hadirin Yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam TMalaysia.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya, dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada hari ini. Saya percaya majlis yang merupakan agenda tahunan universiti, merupakan suatu majlis yang cukup bersejarah dan penuh bererti bagi para graduan, ibu bapa serta warga UTeM.

Hadirin Sekalian,

Ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam bidang masing-masing. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa dorongan dan iringan doa restu yang tak pernah putus daripada ibu-bapa. Tahniah kepada ibu-bapa sekalian yang sebenarnya turut sama berjaya menyempurnakan tanggungjawab dan amanah Allah dalam usaha membentuk kejayaan saudara-saudari menjadi insan cemerlang. Sudah tentu perasaan bangga di atas kejayaan ini dizahirkan dengan kehadiran mereka di dalam majlis yang penuh bermakna ini. Kenanglah jasa dan pergorbanan ibu-bapa yang tidak ternilai harganya dan tiada tolok bandingnya. Tidak lupa, kegembiraan ini juga dikongsi bersama para pensyarah dan seluruh warga universiti.



Peluang menimba ilmu di menara gading tidak diperolehi oleh semua orang dan saudara-saudari merupakan golongan bertuah yang telah terpilih daripada ribuan yang lain. Justeru, saudara-saudari harus sentiasa beringat bahawa sebahagian daripada hidup saudara-saudari adalah menjadi milik masyarakat. Buktikanlah kepada masyarakat khususnya pihak majikan bahawa saudara-saudari merupakan graduan yang mempunyai kualiti yang tinggi, mampu berdikari, berdaya saing, berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi serta mampu menyumbang kepada pembangunan dengan impak yang tinggi. Saudara-saudari juga harus berterima kasih dan menghargai pihak kerajaan yang telah memberikan peluang pengajian di peringkat universiti. Ini dapat dibuktikan dengan sumbangan yang akan diberikan oleh saudara-saudari dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Para Hadirin Sekalian,

Kehadiran UTeM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam telah memberi nilai tambah dalam membangunkan kualiti hidup dan dapat meningkatkan daya pemikiran masyarakat tempatan serta luar Melaka. UTeM berperanan menghasilkan modal insan yang berpotensi, berinovasi serta kreatif. Di samping itu, graduan UTeM yang dilahirkan bukan sahaja mempunyai pengetahuan ilmu kejuruteraan dan teknikal tetapi juga berketrampilan dari aspek kemahiran insaniah. Dalam usaha menjadikan UTeM lebih relevan, saya menyasarkan agar UTeM terus menawarkan program-program baru serta subjek-subjek yang memberi nilai tambah kepada pelajar. Tahniah kepada UTeM kerana telah menubuhkan sebuah lagi fakulti baru, iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Ini akan dapat membantu negara dalam membekalkan tenaga mahir yang berkelayakan untuk pasaran kerja yang semakin kompetitif. Pengiktirafan yang diperolehi bagi semua program akademik yang ditawarkan oleh UTeM daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuktikan bahawa universiti telah bersungguh-sungguh dalam menggunakan sumber yang diberikan serta melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan. Saya juga amat berbangga dengan peningkatan pelajar antarabangsa sehingga kini. Kehadiran pelajar antarabangsa akan menceriakan suasana 'global' di universiti. Usaha dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) harus diterus dan dipergiatkan. Kerjasama dan perkongsian pintar antara universiti di dalam dan di luar negara perlu dilipatgandakan. Program mobiliti pelajar dan pertukaran staf akademik merupakan tindakan strategik UTeM dalam aspek pengantarabangsaan. Sebagai usaha untuk merapatkan jurang di antara universiti dengan industri, saya berharap pihak universiti dapat meningkatkan hubungan dengan sektor industri melalui penyelidikan serta kerjasama teknikal.

Saudara-saudari sekalian,

Selepas tamat pengajian, saudara-saudari akan berada dalam situasi yang baru, iaitu menjadi sebahagian daripada tenaga profesional di negara ini. Walau apa pun jawatan dan bidang yang diceburi, saudara-saudari perlulah memberikan tumpuan, minat dan komitmen sepenuhnya terhadap pilihan yang telah dibuat. Janganlah saudara-saudari persia-siakan peluang yang diperolehi. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Pengurusan Universiti serta semua lapisan staf yang cekal dan tekun sehingga menempai kejayaan demi kejayaan. Saya yakin dan percaya, bahawa dengan gabungan pihak kepimpinan dan sokongan daripada semua staf yang bermotivasi dan berintegriti, UTeM akan terus berkembang maju seiring dengan perkembangan dunia pengajian tinggi hari ini.

Sekali lagi, saya amat berbesar hati untuk merakamkan sekalung tahniah kepada para graduan atas kejayaan yang telah diperolehi. Jadikanlah kejayaan pada hari ini sebagai langkah permulaan yang positif ke arah membentuk kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:-

Tegak Rumah Kerana Sendi,
Runtuh Sendi Rumah Binas,
Hidup Di Dunia Biarlah Berbudi,
Kepada Keluarga Dan Juga Bangsa.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Ucapan Naib Canselor

Sesi 1
SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
22 OKTOBER 2011



Perutusan Universiti
Majlis SEMPERA
KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Dikasih Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Pada pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga UTEM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir bagi menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kami warga UTEM sentiasa mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan keluarga terus dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan serta mengharap Tuan Yang Terutama Tun Canselor dapat terus memimpin UTEM serta Negeri Melaka yang tercinta ini ke arah kegemilangan.

Seterusnya, ingin saya memohon izin daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat, Pro Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Puan Sri Datin Zarina Binti Fazle Hussein, Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Yang Berbahagia rakan-rakan Naib Canselor IPTA/IPTS, Yang Berbahagia tetamu kehormat Rektor-Rektor dari Indonesia / luar negara, Wakil-Wakil Universiti Tempatan, Wakil-Wakil Industri, Yang Berbahagia Dif-Dif Kehormat, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Senat, Ahli-Ahli Akademik, Para Ibu Bapa dan Ahli Keluarga Graduan Yang Dihormati, Para Graduan Yang Diraikan, Wakil-Wakil Media Seterusnya Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan kejayaan para graduan di Majlis Konvokesyen Ke -7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2011. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi tahniah kepada semua graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ke-7 tahun ini, kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak kini digelar graduan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para ibu bapa, kerana kejayaan para graduan hari ini adalah hasil doa restu dan susah payah tuan-tuan dan puan-puan mendidik dan membesarkan mereka serta menyediakan segala yang perlu dengan penuh kasih sayang. Kini, kita semua boleh berbangga atas kejayaan mereka dalam memiliki segulung ijazah yang bakal membantu mereka mencapai cita-cita yang lebih tinggi. Hari ini adalah detik yang membuktikan bahawa segala usaha, pengorbanan serta penat lelah yang dicurahkan oleh semua telah membuahkan hasil alhamdulillah!

Para Hadirin Sekalian,

Majlis Konvokesyen UTeM Ke-7 pada 2011 kali ini yang akan berlangsung selama 2 hari, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 1502 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Mereka terdiri daripada 3 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 100 orang graduan Ijazah Sarjana, 1,141 orang graduan di peringkat Sarjana Muda, dan 258 orang graduan Diploma. Untuk makluman hadirin sekalian, jumlah graduan yang telah dilahirkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka sejak penubuhannya, kini mencecah 8,758 orang graduan. Tahniah kepada semua warga UTeM di atas sumbangan melahirkan modal insan negara dengan begitu pesat sekali. Pada sesi pertama ini, kita telah menyaksikan penganugerahan 3 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 100 orang graduan Ijazah Sarjana, dan 206 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik. Peningkatan bilangan graduan pasca siswazah mencerminkan komitmen dan kemajuan universiti memperkasakan penyelidikan dan inovasi yang memberi tambah nilai dalam keilmuan dan kapasiti negara. Mudah-mudahan semua yang bergraduasi hari ini berupaya mencurah khidmat bakti kepada yang lain, terus membangun diri, masyarakat, negara dan juga dunia yang kini amat memerlukan penjagaan dan pemuliharaan oleh manusia sejangat demi kelestarian masa depan.

Para Hadirin Sekalian,

Setakat ini kebolehasaran graduan UTeM adalah pada tahap yang membanggakan. Untuk tahun 2010, lebih 71% graduan UTeM telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Kebanyakan graduan UTeM berjaya diterima untuk berkhidmat dalam sektor swasta yang dimiliki oleh syarikat tempatan, syarikat multinasional, syarikat GLC, dan turut ditawarkan pekerjaan di sektor kerajaan, badan berkanun dan ada yang memilih untuk bekerja sendiri. Selain itu, terdapat juga graduan yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pada sesi kemasukan 2011/2012, UTeM telah menerima sejumlah 3,346 orang pelajar baru berbanding seramai 2,726 orang pelajar pada sesi kemasukan 2010/2011. Daripada 3,346 pelajar baru ini, mereka terdiri daripada 30 orang pelajar Doktor Falsafah, 8 orang pelajar Doktor Kejuruteraan, 186 orang pelajar Sarjana, 2,542 pelajar peringkat sarjana muda dan 580 orang pelajar diploma. Peningkatan ketara ini menandakan UTeM telah menjadi pilihan utama bagi mahasiswa hari ini. Sehingga kini, jumlah bilangan pelajar antarabangsa di UTeM adalah seramai 311 orang yang berasal dari 26 negara. Selain itu, 10% tenaga pengajar kontrak antarabangsa turut menyumbang kepada proses pengantarabangsaan di UTeM. Ini akan memberangsang suasana pembelajaran di UTeM dan mencerminkan pengiktirafan kualiti pengajian oleh masyarakat luar negara.

Para Hadirin Sekalian,

Alhamdulillah, bagi tahun 2011, UTeM telah melangkah maju dengan penubuhan sebuah lagi fakulti baru iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan, FTK. Bermula pada sesi akademik 2011/2012 pada bulan September 2011 yang lalu, UTeM telah menawarkan sebanyak 10 program teknologi kejuruteraan dan seramai 409 orang pelajar perintis telah mendaftar. UTeM merupakan universiti awam yang terkehadapan sekali dalam agenda pendidikan negara bagi mengurusperandakan aliran kemahiran, vokasional dan teknikal sampai ke peringkat pengajian tinggi. Selaras dengan sasaran KPT dalam pelaksanaan PSPTN pada tahun 2011 ini, UTeM telah berjaya melaksanakan program PhD Industri di bawah *Critical Agenda Project* (CAP) MyBrain15. Di UTeM, PhD Industri ini dinamakan Program Doktor Kejuruteraan dan sebanyak 6 buah syarikat telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pihak UTeM untuk menjayakan program ini. Masalah atau cabaran penyelidikan berasal dan diselesaikan di industri lantas memberi manfaat kepada pencapaian inovasi syarikat khususnya, dan negara amnya. Kerjasama ini adalah sejajar dengan objektif UTeM untuk mengendalikankan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri. Ingin saya memberi suatu jaminan di sini, bahawa UTeM sentiasa berusaha gigih untuk menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti. Setakat ini kesemua 27 program yang ditawarkan di UTeM telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Ini termasuk 17 program kejuruteraan yang telah mendapat akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan, EAC.

Hadirin dan Hadirat yang Dihormati Sekalian,

Pencapaian Penyelidikan

Perkembangan positif yang berterusan dalam penyelidikan telah dapat dibuktikan melalui penerbitan dan penyertaan penyelidik UTeM ke pameran, pertandingan penyelidikan serta penganjuran seminar, persidangan dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan demi kejayaan telah dirangkul di pelbagai peringkat termasuklah memenangi **6** anugerah dan pingat pelbagai kategori di "39th International Exhibition Of Invention Of Geneva 2011 (GENEVA 2011); memenangi **18** pingat pelbagai kategori di "Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011); memenangi **20** anugerah dan pingat pelbagai kategori di "22nd International Invention, Innovation And Technology Exhibition (ITEX) 2011 serta berjaya memenangi **14** anugerah dan pingat pelbagai kategori di Persidangan & Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2011 (PECIPTA 2011). Pencapaian ini merupakan pencapaian terbaik UTeM berbanding dengan penyertaan UTeM di Pecipta sebelum ini. Kejayaan UTeM dalam pertandingan penyelidikan ini, menjadi penanda aras kepada UTeM untuk mara ke peringkat global bagi membuktikan bahawa semua penyelidik UTeM tidak ketinggalan dalam menerajui perkembangan teknologi terkini. Dalam usaha melahirkan graduan unggul, UTeM memberikan peluang dan menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan-perandingan seperti **Imagine Cup** anjuran **Microsoft**, menuntut pelajar **merekabentuk sofwer** untuk menangani isu-isu global meliputi pembasmian kemiskinan, isu kebuluran serta pembangunan kelestarian alam sekitar. Pertandingan **Pelan Perniagaan MSC – Business Plan Competition** pula mengajak pelajar dan penyelidik untuk **menyediakan perancangan perniagaan** yang akan menarik minat pelabur ke arah pengkomersilan produk atau perkhidmatan mereka. Pertandingan **Perodua Eco-Challenge** yang dianjurkan **Perodua Sdn. Bhd.** misalnya mencabar pengetahuan kejuruteraan pelajar-pelajar dalam mencari penyelesaian terbaik ke arah penggunaan tenaga yang lebih berkesan bagi kenderaan di mana dengan ini dapat mencebus minda penuh inovasi di kalangan generasi muda terhadap perkembangan teknologi baru. Begitu juga Pertandingan **ROBOCON** yang telah dianjurkan semenjak tahun 2002 merekabentuk robot robot khusus untuk pelbagai tugas dalam keadaan dan masa yang terhad. Suasana persaingan dan keperluan pembentangan dan komunikasi berkesan peringkat nasional dan antarabangsa akan meningkatkan tanda aras (*benchmark*) untuk pelajar UTeM menjadi kompetitif dan bertaraf dunia insyaAllah. Pada tahun ini UTeM telah dipilih menjadi tuan rumah Pertandingan Debat Alam Sekitar kali ke 21 peringkat IPT Malaysia yang telah diadakan di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal. Pertandingan yang disertai oleh lebih daripada 20 pasukan dari IPTA dan IPTS ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM).

Para Hadirin Sekalian,

Walaupun muda, UTeM telah diberi tanggungjawab selaku tuan rumah Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) bagi edisi ke-36 yang telah berlangsung selama 10 hari pada bulan Julai yang lalu di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal. Ini melibatkan kesemua 20 IPTA dan satu pasukan dari KPT dan sejumlah 3196 ahli sukan yang mengambil bahagian. Ianya berlangsung dengan jayanya.

Jaringan - Dalam Negara

Lantikan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) pada Mei yang lalu bertujuan memberi fokus kepada usaha mewujudkan jaringan universiti yang lebih meluas dan pencapaian yang lebih memberangsangkan. Bagi tahun 2011, selain daripada 6 memorandum perjanjian yang telah ditandatangani di bawah program doktor kejuruteraan, pihak universiti juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Telekom Malaysia Berhad di mana perjanjian ini termasuklah penyediaan perkhidmatan Metro Ethernet dan Internet ke seluruh UTeM termasuk seluruh kolej kediaman pelajar. Melalui perjanjian ini, UTeM telah melakar sejarah tersendiri yang merupakan IPTA pertama di Melaka yang mempunyai perkhidmatan Metro Ethernet dan antara rangkaian ketiga terbesar dibandingkan dengan IPTA lain. Selain itu, memorandum perjanjian dengan SME Corporation Malaysia telah ditandatangani bagi melaksanakan program keusahawanan yang membuka peluang luas untuk pelajar-pelajar ditempatkan di syarikat-syarikat terpilih bagi mendapatkan pendedahan berkaitan keusahawanan.

Hadirin Sekalian,

Jaringan - Luar Negara

Bagi inisiatif mobiliti pelajar pada tahun 2011, UTeM menerima sejumlah pelajar dari Indonesia dan Jerman dan sebaliknya menghantar 15 orang pelajar UTeM ke Indonesia dan 2 orang pelajar UTeM ke Jerman. Dalam tahun 2011 UTeM juga sudah juga menandatangani 6 MoU dengan Indonesia, Germany, Amerika Syarikat dan Sudan serta 1 MoA bersama Indonesia (UDINUS-UTeM and KOPERTIB). Hubungan yang dilaksanakan ini telah dapat mewujudkan suatu kerjasama di antara kedua pihak dalam usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di UTeM dan rakan Universiti yang terlibat. Di antara bidang kerjasama yang dilaksanakan adalah pertukaran staf & pelajar dalam pembangunan akademik, pertukaran & perkongsian bahan-bahan saintifik, penyelidikan dan inovasi yang memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Di atas merupakan beberapa inisiatif UTeM yang terlaksana bagi memastikan UTeM terus dinamik dan terkehadapan di dalam menyediakan pendidikan yang relevan, berkualiti dan menyumbang dengan impak yang tinggi dalam melahirkan modal insan yang dihormati.

Hadirin dan Hadirat yang Dihormati Sekalian,

Senario masa kini amat menuntut warga kerja yang dapat menyumbang kepada majikan dengan cepat dan ketara. Di dalam iklim ekonomi yang berhempas pulas untuk pulih dan kembali stabil, majikan amat cerewet dan memilih. Oleh itu aspek kompetensi, tahan lasak tidak putus asa, berikar dan boleh kerja berpasukan, sentiasa berupaya menyumbang dan menyelesaikan masalah dan cabaran merupakan di antara ciri-ciri yang anda perlu punyai dengan nilai integriti yang tinggi. Peredaran masa yang pantas dan teknologi yang bersilih ganti menuntut sifat sentiasa memperbaharui ilmu walau pun selesai mendapat ijazah pada hari ini. Belajarlah hingga akhir hayat yakni pembelajaran berterusan mesti diamalkan. Selamat berkerjaya menabur bakti kepada masyarakat dan negara serta dunia. Kepada para graduan semua saya juga berharap agar anda tidak melupakan jasa dan pengorbanan ibu bapa serta sumbangan pensyarah-pensyarah dan berharap agar anda semua terus berusaha untuk mencipta kejayaan dan kegemilangan hidup selepas ini. Jadikanlah kejayaan pada hari ini sebagai langkah permulaan yang positif ke arah membentuk peluang kerjaya yang lebih baik pada masa depan. Selepas menamatkan pengajian, seharusnya hubungan anda dengan universiti masih terjalin erat. Anda masih mempunyai peluang untuk membantu membangun dan menyemarakkan dunia pendidikan di UTeM melalui penglibatan dalam Alumni UTeM. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan sangat dialu-alukan oleh universiti.

Hadirin dan Hadirat yang Dihormati Sekalian,

Penghargaan kepada staf

Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan, ibubapa dan ahli keluarga masing-masing. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pensyarah, pentadbir dan staf UTeM kerana jasa bakti anda telah menyumbang kepada kejayaan graduan yang menerima ijazah pada hari ini.

Ayam Rintik Di Pinggir Hutan
Nampak Dari Tepi Telaga
Nama Yang Baik Jadi Ingatan
Seribu Tahun Terkenang Juga

Makan Sirih, Sirih Dara
Buat Pemanis Pemula Bicara
Teruskan Bakti Di Luar Sana
Menyahut Impian Pemimpin Negara

Terasa Sejuk Dikipas Bonda
Wajah Ayahanda Tersenyum Bangga
UTeM Memerah Kudrat Yang Ada
Untuk Melahirkan Graduan Berjaya

Sekian Terima Kasih.
Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum WBT.

Tekad usaha gembeng tenaga
Berbanting keringat teruskan mara
Sajian universiti sandaran keluarga
Graduan UTeM harapan negara

Alcapan Naib Canselor

Sesi 2
SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-7
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
22 OKTOBER 2011

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr. Johari Bin Mat, Pro Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Puan Sri Datin Zarina Binti Fazle Hussein, Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Wakil-Wakil Industri, Yang Berbahagia Dif-Dif Kehormat, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Senat, Ahli-Ahli Akademik, Para Ibu Bapa Dan Ahli Keluarga Graduan Yang Dihormati, Para Graduan Yang Diraikan, Wakil-Wakil Media Seterusnya Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Pada petang yang berbahagia ini, saya mewakili seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tan Sri Pro Canselor untuk hadir bagi menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kami warga UTeM sentiasa mendoakan semoga Tan Sri Pro Canselor dan keluarga terus dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan serta mengharap Tan Sri Pro Canselor dapat terus membimbing UTeM yang tercinta ini ke arah kegemilangan. Alhamdulillah, bersyukur ke hadirat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama berhimpun pada petang yang berbahagia ini bagi merayakan kejayaan para graduan di Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2011. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi tahniah kepada semua graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ke-7 tahun ini, kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak kini digelar graduan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para ibu bapa, kerana kejayaan para graduan hari ini adalah hasil doa restu dan susah payah tuan-tuan dan puan-puan mendidik dan membesarkan mereka serta menyediakan



segala yang perlu dengan penuh kasih sayang. Kini, kita semua boleh berbangga atas kejayaan mereka dalam memiliki segulung ijazah yang bakal membantu mereka mencapai cita-cita yang lebih tinggi. Hari ini adalah detik yang membuktikan bahawa segala usaha, pengorbanan serta penat lelah yang dicurahkan oleh semua telah membuahkan hasil alhamdulillah!

Para Hadirin Sekalian,

Majlis Konvokesyen UTeM Ke-7 pada 2011 kali ini yang akan berlangsung selama 2 hari, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 1502 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Mereka terdiri daripada 3 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 100 orang graduan Ijazah Sarjana, 1,141 orang graduan di peringkat Sarjana Muda, dan 258 orang graduan Diploma. Untuk makluman hadirin sekalian, jumlah graduan yang telah dilahirkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka sejak penubuhannya, kini mencecah 8,758 orang graduan. Tahniah kepada semua warga UTeM di atas sumbangan melahirkan modal insan negara dengan begitu pesat sekali.

Pada sesi kedua ini, kita akan dapat menyaksikan penganugerahan kepada seramai 234 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan 217 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Mudah-mudahan semua yang bergraduasi hari ini berupaya mencurahkan khidmat bakti kepada yang lain, terus membangun diri, masyarakat, negara dan juga dunia yang kini amat memerlukan penjagaan dan pemuliharaan oleh manusia sejagat demi kelestarian masa depan.

Para Hadirin Sekalian,

Setakat ini kebolehpasaran graduan UTeM adalah pada tahap yang membanggakan. Untuk tahun 2010, lebih 71% graduan UTeM telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Kebanyakan graduan UTeM berjaya diterima untuk berkhidmat dalam sektor swasta yang dimiliki oleh syarikat tempatan, syarikat multinasional, syarikat GLC, dan turut ditawarkan pekerjaan di sektor kerajaan, badan berkanun dan ada yang memilih untuk bekerja sendiri. Selain itu, terdapat juga graduan yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada sesi kemasukan 2011/2012, UTeM telah menerima sejumlah 3,346 orang pelajar baru berbanding seramai 2,726 orang pelajar pada sesi kemasukan 2010/2011. Daripada 3,346 pelajar baru ini, mereka terdiri daripada 30 orang pelajar Doktor Falsafah, 8 orang pelajar Doktor Kejuruteraan, 186 orang pelajar Sarjana, 2,542 pelajar peringkat sarjana muda dan 580 orang pelajar diploma. Peningkatan ketara ini menandakan UTeM telah menjadi pilihan utama bagi mahasiswa hari ini.

Sehingga kini, jumlah bilangan pelajar antarabangsa di UTeM adalah seramai 311 orang yang berasal dari 26 negara. Selain itu, 10% tenaga pengajar kontrak antarabangsa turut menyumbang kepada proses pengantarabangsaan di UTeM. Ini akan memberangsang suasana pembelajaran di UTeM dan mencerminkan pengiktirafan kualiti pengajian oleh masyarakat luar negara.

Para Hadirin Sekalian,

Alhamdulillah, bagi tahun 2011, UTeM telah melangkah maju dengan penubuhan sebuah lagi fakulti baru iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan, FTK. Bermula pada sesi akademik 2011/2012 pada bulan September 2011 yang lalu, UTeM telah menawarkan sebanyak 10 program teknologi kejuruteraan dan seramai 409 orang pelajar perintis telah mendaftar. UTeM merupakan universiti awam yang terkehadapan sekali dalam agenda pendidikan negara bagi mengarusperdanakan aliran kemahiran, vokasional dan teknikal sampai ke peringkat pengajian tinggi.

Selaras dengan sasaran KPT dalam pelaksanaan PSPTN pada tahun 2011 ini, UTeM telah berjaya melaksanakan program PhD Industri di bawah *Critical Agenda Project* (CAP) MyBrain15. Di UTeM, PhD Industri ini dinamakan Program Doktor Kejuruteraan dan sebanyak 6 buah syarikat telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pihak UTeM untuk menajayakan program ini. Masalah atau cabaran penyelidikan berasal dan diselesaikan di industri lantas memberi manfaat kepada pencapaian inovasi syarikat khususnya, dan negara amnya. Kerjasama ini adalah sejajar dengan objektif UTeM untuk mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri. Ingin saya memberi suatu jaminan di sini, bahawa UTeM sentiasa berusaha gigih untuk menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan

pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti. Setakat ini kesemua 27 program yang ditawarkan di UTeM telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Ini termasuk 17 program kejuruteraan yang telah mendapat akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan, EAC.

Hadirin Sekalian,

Pencapaian Penyelidikan

Perkembangan positif yang berterusan dalam penyelidikan telah dapat dibuktikan melalui penerbitan dan penyertaan penyelidik UTeM ke pameran, pertandingan penyelidikan serta penganjuran seminar, persidangan dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan demi kejayaan telah dirangkul di pelbagai peringkat termasuklah memenangi 6 anugerah dan pingat pelbagai kategori di "39th International Exhibition Of Invention Of Geneva 2011 (GENEVA 2011); memenangi 18 pingat pelbagai kategori di "Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011); memenangi 20 anugerah dan pingat pelbagai kategori di "22nd International Invention, Innovation And Technology Exhibition (ITEX) 2011 serta berjaya memenangi 14 anugerah dan pingat pelbagai kategori di Persidangan & Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2011 (PECIPTA 2011). Pencapaian ini merupakan pencapaian terbaik UTeM berbanding dengan penyertaan UTeM di Pecipta sebelum ini.

Kejayaan UTeM dalam pertandingan penyelidikan ini, menjadi penanda aras kepada UTeM untuk mara ke peringkat global bagi membuktikan bahawa semua penyelidik UTeM tidak ketinggalan dalam menerajui perkembangan teknologi terkini.

Dalam usaha melahirkan graduan unggul, UTeM memberikan peluang dan menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan seperti **Imagine Cup** anjuran **Microsoft**, menuntut pelajar **merekabentuk softer** untuk menangani isu-isu global meliputi pembasmian kemiskinan, isu kebuluran serta pembangunan kelestarian alam sekitar. Pertandingan **Pelan Perniagaan MSC – Business Plan Competition** pula mengajak pelajar dan penyelidik untuk **menyediakan perancangan perniagaan** yang akan menarik minat pelabur ke arah pengkomersilan produk atau perkhidmatan mereka. Pertandingan **Perodua Eco-Challenge** yang dianjurkan **Perodua Sdn. Bhd.** misalnya mencabar pengetahuan kejuruteraan pelajar-pelajar dalam mencari penyelesaian terbaik ke arah penggunaan tenaga yang lebih berkesan bagi kenderaan di mana dengan ini dapat mencetus minda penuh inovasi di kalangan generasi muda terhadap perkembangan teknologi baru. Begitu juga Pertandingan **ROBOCON** yang telah dianjurkan semenjak tahun 2002 merekabentuk robot robot khusus untuk pelbagai tugas dalam keadaan dan masa yang terhad. Suasana persaingan dan keperluan pembentangan dan komunikasi berkesan peringkat nasional dan antarabangsa akan meningkatkan tanda aras (*benchmark*) untuk pelajar UTeM menjadi kompetitif dan bertaraf dunia insyaAllah.

Pada tahun ini UTeM telah dipilih menjadi tuan rumah Pertandingan Debat Alam Sekitar kali ke 21 peringkat IPT Malaysia yang telah diadakan di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal. Pertandingan yang disertai oleh lebih daripada 20 pasukan dari IPTA dan IPTS ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM).

Para Hadirin Sekalian,

Walaupun muda, UTeM telah diberi tanggungjawab selaku tuan rumah Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) bagi edisi ke-36 yang telah berlangsung selama 10 hari pada bulan Julai yang lalu di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal. Ini melibatkan kesemua 20 IPTA dan satu pasukan dari KPT dan sejumlah 3196 ahli sukan yang mengambil bahagian. Ianya berlangsung dengan jayanya.

Jaringan - Dalam Negara

Lantikan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) pada Mei yang lalu bertujuan memberi fokus kepada usaha mewujudkan jaringan universiti yang lebih meluas dan pencapaian yang lebih memberangsangkan.

Bagi tahun 2011, selain daripada 6 memorandum perjanjian yang telah ditandatangani di bawah program doktor kejuruteraan, pihak universiti juga telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Telekom Malaysia Berhad di mana perjanjian ini termasuklah penyediaan perkhidmatan Metro Ethernet dan Internet ke seluruh UTeM termasuk seluruh kolej kediaman pelajar. Melalui perjanjian ini, UTeM telah melakar sejarah tersendiri yang merupakan IPTA pertama di Melaka yang mempunyai perkhidmatan Metro Ethernet dan antara rangkaian ketiga terbesar dibandingkan dengan IPTA lain.

Selain itu, memorandum perjanjian dengan SME Corporation Malaysia telah ditandatangani bagi melaksanakan program keusahawanan yang membuka peluang luas untuk pelajar-pelajar ditempatkan di syarikat-syarikat terpilih bagi mendapatkan pendedahan berkaitan keusahawanan.

Hadirin Sekalian,

Jaringan - Luar Negara

Bagi inisiatif mobiliti pelajar pada tahun 2011, UTeM menerima sejumlah pelajar dari Indonesia dan Jerman dan sebaliknya menghantar 15 orang pelajar UTeM ke Indonesia dan 2 orang pelajar UTeM ke Jerman.

Dalam tahun 2011 UTeM juga sudah menandatangani 6 MoU dengan Indonesia, Germany, Amerika Syarikat dan Sudan dan 1 MoA bersama Indonesia (UDINUS-UTeM and KOPERTIB).

Hubungan yang dilaksanakan ini telah dapat mewujudkan suatu kerjasama di antara kedua pihak dalam usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di UTeM dan rakan Universiti yang terlibat. Di antara bidang kerjasama yang dilaksanakan adalah pertukaran staf & pelajar dalam pembangunan akademik, pertukaran & perkongsian bahan-bahan saintifik, penyelidikan dan inovasi yang memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

